

Mesej Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

BH - 31/5/2007

"P ADA zaman sekarang dengan kemerdekaan kita ke-50 tahun, kerajaan membangunkan bangsa dan negara. Jelas pada penglihatan saya dan belia pun memang tahu, pada masa sekarang ada banyak peluang untuk anak muda yang ingin belajar apa juga cabang ilmu pengetahuan.

Sama ada nak menyambung pelajaran di universiti dalam negara atau luar negara, memasuki kolej, mempelajari ilmu kemahiran, semua peluang ini ada untuk anak muda sekarang. Peluang untuk berpersatuan, menyertai gerakan anak muda ada pada hari ini.

Umpamanya peluang yang ada dalam bidang sukan, anak muda hari ini boleh mencapai kejayaan menjadi wira, jadi juara, bukan hanya setakat menjadi jaguh kampung, bukan jaguh daerah atau negeri, bahkan jaguh kebangsaan peringkat negara.

Mereka ini anak cemerlang dalam bidang sukan tetapi lebih pada itu ada yang berpeluang menjadi jaguh peringkat dunia. Mereka menjadi anak muda jaguh sukan terbilang.

Zaman Pak Lah dulu peluang tak ada seperti ini tetapi generasi sekarang ada peluang yang lain seperti menerusi pergerakan belia dan berpeluang menyertai persidangan belia, malah per-

“ *Wahai anak muda, ambillah peluang, supaya dapat majukan diri sendiri supaya suatu masa nanti apabila tiba masanya dapat menjadi pemimpin negara yang dapat memberi sumbangan istimewa. Sumbangan istimewa kerana anak muda akan menjadi pewaris negara yang mewarisi pelbagai kejayaan termasuk ekonomi dan pembangunan negara”*

sidangan belia di peringkat nasional tetapi peringkat antarabangsa dan suara anak muda kini dapat didengar di pada persidangan antarabangsa dan ini sekali gus memperkenalkan Malaysia.

Buktikan apa yang negara kita telah buat untuk belia negara kita.

Anak-anak kita adalah pemimpin negara muda apabila berada di luar negara ketika membuat lawatan atau persidangan dan mereka mula sedar dan faham bahawa di negara kita ini jika dibandingkan negara lain, lebih banyak peluang baik untuk anak muda.

Sungguh hebat menjadi anak muda di Malaysia, sebuah negara yang mempunyai segala peluang untuk anak muda melakukan yang terbaik dan tidak hanya di peringkat kebangsaan, malah di peringkat antarabangsa.

Ramai anak muda kita mendapat keputusan baik dan melanjutkan pelajaran dan menunjukkan kebolehan untuk menjadi pelajar cemerlang dalam bidang akademik.

Wahai anak muda, ambillah peluang, supaya dapat majukan diri sendiri supaya suatu masa nanti apabila tiba masanya dapat menjadi pemimpin negara yang dapat memberi sumbangan istimewa.

Sumbangan istimewa kerana anak



Yakin Boleh Gemilang!

muda akan menjadi pewaris negara yang mewarisi pelbagai kejayaan termasuk ekonomi dan pembangunan negara.

Inilah yang membezakan dibandingkan antara dulu dan sekarang. Dulu kami tidak ada apa dan bermula dengan peringkat kosong.

Apa yang perlu anak muda perlukan ialah bersedia mewarisi dan menokok tambah supaya bertambah maju lagi.

Yang elok mesti diperelokkan, yang banyak mesti ditokok tambah lagi, yang bermutu mesti dipertingkatkan mutunya lagi.

Kalau dulu cemerlang jadikannya gemilang, kalau sudah jadi gemilang jadikannya terbilang.”